

Pencarum KWSP perlu berhati-hati melabur

bH - 7/8/2006

PM ingatkan caruman untuk kegunaan selepas bersara

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihatkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) supaya memikirkan masa depan sebelum melabur caruman mereka untuk memperoleh pulangan tinggi.

Perdana Menteri berkata, walaupun wang itu milik mereka, pencarum perlu lebih berhati-hati bagi mengelakkan kerugian, seterusnya menjamin kehidupan lebih selesa selepas bersara.

"Ramai ambil duit KWSP untuk pelbagai tujuan, jadi mereka perlu ingat bahawa wang yang disimpan itu adalah untuk masa depan mereka... masa mereka sudah bersara kerana dengan wang itu dapatlah mereka hidup selesa.

"Tetapi, kalau dia (pencarum KWSP) ambil wang itu nak membuat pelaburan atau nak simpan di tempat lain yang memberi jaminan pulangan lebih tinggi berhati-hatilah.


"Wang hak dia, boleh buat apa dia suka tetapi dia kena fikirilah apa akan jadi pada diri dia," katanya selepas merasmikan Liga Sukan Komuniti 2006 di Padang Samarak Angkasapuri di sini, semalam.

Semalam, akhbar melaporkan kira-kira RM600 juta wang milik pencarum KWSP yang dilaburkan dalam unit amanah mengalami kerugian.

Mengikuti akhbar berkenaan, kerugian membabitkan kira-kira 80 peratus pencarum yang membuat pelaburan. Ia dikesan berikutan penyutusan jumlah dana yang dikeluarkan pencarum untuk pelaburan berkenaan.

Jumlah dana terkumpul yang dikeluarkan pencarum KWSP sejak skim itu mula diperkenalkan pada 1996 ialah RM9.76 bilion. Bagaimanapun sehingga Disember tahun lalu, angkanya menyusut kepada RM9.15 bilion.

Keadaan itu berpunca daripada ketidakupayaan institusi pengurusan dana (IPD) membuat pelaburan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada pencarum.



BERBAKAT: Abdullah mencuba permainan sepak takraw selepas melancarkan Liga Sukan Komuniti sambil diperhatikan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said di Padang Samarak RTM, semalam.

Setakat 31 Disember tahun lalu, 33 daripada 42 IPD dilantik melaporkan pulangan pelaburan tidak nyata yang negatif.

Berdasarkan laman web rasmi KWSP, sehingga kini ada 42 IPD dilantik dan boleh menguruskan unit saham amanah untuk pencarum.

Menerusi skim itu, ahli KWSP yang mempunyai simpanan minimum RM55,000 dalam akaun satu (Akaun Persaraan) boleh melabur sendiri sebahagian daripada jumlah simpanan menerusi IPD yang diluluskan Kementerian Kewangan.

Abdullah juga berkata, pencarum

KWSP perlu sanggup menanggung risiko kerugian berikutan tindakan memindahkan wang daripada KWSP ke unit amanah.

"Mungkin unit amanah itu tidak maju dan tidak berjaya, menyebabkan wang yang disimpan membawa kerugian kepada pencarum. Itu masalah dia dan dia tidak boleh tuduh sesiapa (apabila mengalami kerugian)," katanya.

Mengenai cadangan menggunakan 255 kamera litar tertutup (CC-TV) trafik di Kuala Lumpur untuk mengesan kegiatan jenayah, beliau berkata, mekanisme itu wajar dilaksanakan di seluruh negara jika ter-

bukti berkesan.

"Bagaimanapun, terpulung kepada pihak yang menguji perkara itu, jika kos tidak terlalu mahal dan mampu memberi kebaikan ia wajar digunakan.

"Sekarang ini zaman elektronik dan multimedia, jika kita boleh mendapat manfaat, apa salahnya gunakan kemudahan elektronik ini untuk tujuan baik," katanya.

Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS) bernilai RM365 juta itu bagi membantu menangani kes curi kereta, rompakan, penculikan dan pembunuhan di sekitar ibu negara.